

Orang Melayu perlu kuasai ekonomi, pendidikan

KUALA LUMPUR 15 Nov.

Orang Melayu tidak layak menjadi 'tuan' di negara sendiri sekiranya mereka masih terus tertinggal dari segi penguasaan ekonomi dan pendidikan, kata wakil UMNO Perak, Datuk Hamdi Abu Bakar.

Beliau yang membahaskan usul ucapan Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO di sini hari ini berkata, sebagai bangsa yang merupakan tuan adalah perlu kedudukan orang Melayu diperkasa sesuai dengan statusnya sebagai bangsa yang menegerajui kuasa politik di negara ini.

Menurut beliau, kekuatan orang Melayu tidak boleh hanya semasa mempertahankan kuasa politik pada musim pilihan raya tetapi perlu berterusan.

"Kita adalah bangsa yang merdeka selama 50 tahun. Mana ada parti yang memerintah sehingga 50 tahun? Kekuatan pakatan yang dipertahankan ini perlu diteruskan dan jangan hanya berpakat semasa pilihan raya.

"Kita perlu berpakat untuk memajukan semua orang. Bangsa-bangsa lain semua telah maju tetapi jangan tuan sendiri tak maju. Kita belum sampai tahap menjadi bangsa tuan di negara maju," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan kedudukan orang Melayu itu adalah tidak wajar jika ada pihak yang mempertikaikan usaha untuk terus meningkatkan penguasaan orang Melayu kerana mereka perlu terus

Kita adalah bangsa yang merdeka selama 50 tahun. Mana ada parti yang memerintah sehingga 50 tahun? Kekuatan pakatan dipertahankan ini perlu diteruskan dan jangan hanya berpakat semasa pilihan raya

**HAMDI
ABU BAKAR
Wakil UMNO
Perak**

dibela dan diberi perhatian.

"Kita ini sebagai tuan, tetapi tuan apa kalau papa kedana, tuan apa kalau tak mampu, tuan apa kalau selekeh, sengkak dan lembek? Tuan mesti hebat, barulah kita kata kita kuat," katanya.

Ketua UMNO Bahagian Beruas itu berkata, untuk mengukur kedudukan orang Melayu dari segi penguasaan ekonomi di negara ini amat mudah dan tidak memerlukan metodologi tertentu.

Hamdi menarik perhatian para perwakilan, jika dicabut semua bangunan milik bukan bumiputera di Kuala Lumpur, rakyat boleh melihat bahawa tidak ada apa lagi bangunan yang tinggal.

Katanya, ibu negara akan menjadi 'padang jarak padang tekukur'.

"Begitu juga dengan Bursa Malaysia. Ka-

lau digugurkan saham milik bukan bumiputera, maka tidak ada apa-apa lagi yang tinggal keeuali papan sahaja," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap kedudukan ekonomi terus ditingkatkan sejajar dengan maruah bangsa Melayu sebagai tuan di negara sendiri yang mampu bersaing sehingga ke peringkat global.

Malah, katanya, kesepakatan antara kaum Melayu, Cina dan India tidak sekadar dalam politik tetapi juga perlu dikembangkan dalam bidang ekonomi melalui kerjasama termasuk dalam pelaburan ke luar negara.

Hamdi mengingatkan kepimpinan kerajaan bahawa jika tidak ada tindakan membetulkan kedudukan orang Melayu di khuatiri generasi Melayu akan datang bakal menanggung nasib yang sama.